



**12 Oktober 2009 (Isnin)**

## **Tanah 3,000 hektar dibangunkan**

IPOH 12 Okt. – Kawasan ‘jelapang padi’ Kerian seluas kira-kira 3,000 hektar akan dibangunkan sebagai projek Agropolitan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jika status kawasan itu diubah daripada kawasan penanaman padi. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, cadangan itu adalah alternatif yang dipertimbangkan bagi membantu petani dan pesawah di kawasan berkenaan meningkatkan pendapatan ekoran hasil penanaman padi kawasan mereka yang rendah. Beliau berkata, alternatif berkenaan akan dipilih jika usaha memulihkan kawasan itu dengan projek pembinaan benteng atau ban dan peningkatan sistem tali air masih gagal meningkatkan hasil padi.

Zambry berkata, demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar bahawa kajian sedang dijalankan untuk menggantikan tanaman padi kawasan itu dengan tanaman lain yang lebih sesuai dan memberi pendapatan lebih baik kepada lebih 1,200 pesawah. Bercakap di Bagan Serai semalam, Noh berkata, kawasan tanaman padi berkenaan tidak mengeluarkan hasil yang memuaskan dengan purata 3.5 tan sehektar berbanding sasaran 10 tan yang ditetapkan di seluruh negara dan kawasan seluas 3,000 hektar yang diwartakan sebagai kawasan tanaman padi sejak 1937 itu akan dibatalkan pewartaannya jika dipersetujui penduduk.

Zambry berkata, cadangan berkenaan dibincangkan oleh kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini. “Perdana Menteri telah memberi pandangan yang positif supaya dilakukan usaha bagi meningkatkan pendapatan petani dan pesawah di kawasan terbabit.” Beliau berkata, kawasan sawah yang bermasalah itu terletak antara Tanjung Piandang dan Kuala Kurau dan antara cadangan yang dikemukakan adalah pembinaan benteng atau ban sepanjang pantai bagi mencegah kemasukan air laut ke kawasan berkenaan.

Projek yang membabitkan perbelanjaan kira-kira RM100 juta itu akan dijalankan secara berperingkat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, katanya. Zambry berkata, jika usaha berkenaan juga didapati tidak sesuai maka cadangan yang akan dipertimbangkan adalah bagi membangunkan kawasan berkenaan dengan projek pertanian lain seperti kelapa sawit atau lain-lain yang sesuai melalui pelaksanaan konsep Agropolitan. Projek Agropolitan adalah satu program bersepadu yang komprehensif ala Felda yang bermatlamat menghapuskan kemiskinan tegar dan mempercepatkan pembangunan kawasan mundur dan terpencil. – BERNAMA.

## **12 Oktober 2009 (Isnin)**

### **Elaun sara hidup RM200 galak nelayan ke laut**

PULAU PINANG 12 Okt. - Pembayaran RM200 elaun sara hidup kepada nelayan berdaftar di seluruh negara mampu menggalakkan kumpulan sasar berkenaan untuk lebih kerap turun ke laut. Pengurus Persatuan Nelayan Pulau Pinang, Md. Zainol Ajamin berkata, dengan peningkatan kekerapan golongan nelayan menjalankan kerja mereka, ia menambah pendapatan sekali gus meningkatkan taraf industri perikanan negara.

"Kita mahu pemberian itu menjadi motivasi kepada lebih 4,000 nelayan berdaftar di negeri ini agar rajin turun ke laut dan pada masa sama memenuhi permintaan keperluan makanan itu. "Memanglah jumlah itu tidak mencukupi tetapi sekurang-kurangnya ia mampu meringankan beban kami terutama dalam keadaan cuaca tidak menentu sekarang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengagihkan RM110 juta elaun sara hidup kepada kira-kira 55,000 nelayan berdaftar di seluruh negara. Pengurusnya, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata, bantuan itu disalurkan menerusi peruntukan khas RM180 juta yang disediakan Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kata Abdul Rahima, bayaran insentif sara hidup itu bertujuan membantu meringankan beban golongan berkenaan dalam menampung perbelanjaan kehidupan sehari-hari.

## **12 Oktober 2009 (Isnin)**

### **THTS serah insurans RM152,000**

JOHOR BAHRU 12 Okt. - Tabung Haji Travel and Services (THTS) memperuntukkan sebanyak RM152,000 sebagai skim perlindungan insurans syarikat kepada, balu kakitangan syarikat itu yang meninggal dunia. Ketua Pegawai Eksekutif THTS, Mejar (B) Ramli Othman berkata, wang itu adalah sebagai wang perlindungan insurans syarikat kepada petugas THTS, Datuk Sukarno Mustafa Kamal yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

Sukarno yang bertugas sebagai Pengurus Pemasaran THTS, meninggal dunia pada 25 Ogos lalu kerana diserang barah otak. "Sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), kita memang prihatin terhadap kebajikan para petugas dan untuk itu telah memperuntukkan sejumlah wang perlindungan Takaful, bagi kes-kes seperti sakit, kemalangan serta kematian para petugas. "Selain mendapat skim pelindungan tersebut kita turut memberikan perhatian sewajarnya terhadap ahli keluarga petugas yang ditinggalkan," katanya.

Ramli berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas menyampaikan cek bernilai RM152,000 kepada balu Sukarno, iaitu Rohayah Marsan, 53, di Pejabat Tabung Haji, Jalan Ayer Molek di sini baru-baru ini. Hadir sama pada majlis itu Eksekutif Kanan Pemasaran Korporat THTS, Aslinda Nurziaty Amir dan Pengurus THTS, Wilayah Selatan, Mohd. Yusof Wadi. Jelas Ramli, pihaknya yakin dengan wang insurans itu ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban keluarga yang ditinggalkan iaitu Rohayah dan anak tunggalnya, Siti Noraisah Puteri, 14.

## 13 Oktober 2009 (Selasa)

### Tol: Berikan kami peluang



**Syed Amin Aljeffri (kanan) bersama Ibrahim Bidin (tengah) dan Syed Budriz Putra meneliti kertas cadangan pengambilan alih Plus Expressways Bhd. yang dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Kuala Lumpur, semalam.**

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Asas Serba Sdn. Bhd. (Asas Serba) masih berharap diberi peluang untuk membentangkan cadangan pengambilan alih konsesi tol milik Plus Expressways Bhd. (Plus) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Penggerusi syarikat khas yang ditubuhkan bagi mengambil alih konsesi tol itu, Datuk Syed Amin Aljeffri berkata, pihaknya telah menyerah kertas cadangan kepada Perdana Menteri dan bersedia mengadakan pembentangan terperinci mengenainya. "Meskipun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop telah menyatakan bahawa kerajaan sama sekali tidak akan menjual konsesi tol milik PLUS tetapi kami lega setelah Perdana Menteri berkata bahawa beliau belum meneliti kertas cadangan kami. "Sekurang-kurangnya Perdana Menteri tidak menolak terus kertas cadangan tersebut," katanya dalam satu pertemuan dengan media di sini hari ini.

Asas Serba diwakili oleh Penggerusi Dewan Perdagangan Melayu Kuala Lumpur, Datuk Syed Amin Aljeffri, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Pinelabs (M) Sdn. Bhd., Ibrahim Bidin, Pegawai Eksekutif Sepang Aircraft Engineering Sdn. Bhd., Syed Budriz Putra dan Wan Kamaruddin Wan Mohamed Ali. Syarikat itu bercadang mengambil alih 22 konsesi tol itu dengan harga RM50 bilion.

Menurut Syed Amin, syarikat itu bersungguh-sungguh untuk membentangkan cadangan pengambilan alih konsesi tol itu dengan tujuan dapat meringan beban kerajaan yang terpaksa membayar subsidi dan tekanan yang dihadapi rakyat kerana terpaksa menanggung kenaikan kadar tol setiap tiga tahun. "Teras utama cadangan pengambilan alih konsesi tol ini adalah mengurangkan beban kerajaan dan rakyat," dakwa beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif Asas Serba, Ibrahim Bidin berkata, dalam cadangan tersebut, syarikat telah mengemukakan penurunan kadar tol sebanyak 20 peratus daripada kadar semasa sehingga kontrak konsesi tamat pada 2038. Cadangan yang dikemukakan itu didakwa mampu memberi penjimatan subsidi kepada kerajaan sebanyak RM114 bilion. Ketika ditanya tidakkah cadangan itu menyebabkan keuntungan yang diperoleh mengambil masa lebih lama, Syed Amin berkata, keuntungan boleh diperoleh dengan pertumbuhan trafik.

"Kami akan mengurangkan kos untuk meningkatkan margin tetapi semestinya bukannya keuntungan yang tinggi kerana kerajaan akan mengutip 25 peratus cukai. Sekurangnya-kurangnya masih boleh membuat keuntungan. "Bagi saya, adalah tidak adil jika syarikat konsesi tol membuat keuntungan daripada subsidi kerajaan," kata beliau.

Ibrahim mendakwa keuntungan masih boleh diperoleh dengan menstruktur semula rangkaian laluan untuk memaksimumkan potensinya, sekali gus mengurangkan kos. Beliau bagaimanapun tidak menolak kemungkinan lanjutan konsesi boleh dijadikan pilihan, sekiranya syarikat itu berupaya mengekalkan kadar tol yang rendah. Bagaimanapun, Syed Amin berkata, setakat ini syarikat itu belum bersedia untuk berkongsi cadangan struktur kewangan. Ibrahim berkata, Asas Serba tidak akan bergerak secara bersendirian tetapi sebaliknya akan mempelawa penglibatan pelabur institusi dan individu.

"Sekiranya banyak pihak memiliki ekuiti dalam konsesi tol (nanti), peratusan pinjaman akan lebih rendah," ujarnya. Bagaimanapun, tegas beliau, Asas Serba muh mendapatkan mandat bagi menguruskan konsesi tol tersebut. Ditanya tentang spekulasi bahawa tokoh korporat, Tan Sri Halim Saad berada di belakang cadangan itu, Ibrahim berkata, Asas Serba tidak mengehadkan pembabitan mana-mana individu dan institusi yang berminat sekiranya berjaya mengambil alih konsesi tol.

**14 Oktober 2009 (Rabu)**

## **Bajet 2010: Kajian semula, tidak diumum**

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Butiran mengenai kajian semula Dasar Automotif Nasional (DAN) tidak akan diumumkan pada pembentangan Bajet 2010, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed, hari ini. Kerajaan mengekalkan rancangannya untuk mengumumkan kajian semula itu pada akhir bulan atau awal bulan depan, katanya pada Majlis Hari Raya dan Rantaian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Agensi Bersama Sektor Swasta" di sini.

"Selewat-lewatnya awal bulan hadapan. Kita tiada tarikh lagi. Kita tidak tahu tentang itu (pengumuman pada hari Bajet)," katanya. Laporan baru-baru ini menyebut pengumuman itu dijangka dibuat pada hari yang sama dengan pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober.

DAN diperkenalkan pada 2006, dalam industri yang melibatkan tidak kurang 150,000 orang dalam bidang pengeluaran, jualan, pengedaran dan pembiayaan. DAN baharu itu akan mempunyai dasar jelas untuk masa depan Proton, pembuat kereta nasional dan syarikat lain termasuk pengilang komponen, vendor dan pengedar. Ditanya mengenai harapan kementerian itu terhadap Bajet 2010, Mustapa berkata: "Kita mahu wujudkan persekitaran perniagaan yang lebih baik, lebih lagi dalam dunia yang penuh dengan persaingan dan keadaan ekonomi semasa."

Katanya, kerajaan telah mengambil pelbagai usaha bagi memudahkan perniagaan dalam negara. "Kita harap langkah seterusnya akan diambil bagi memastikan persekitaran pelaburan semakin baik dan membolehkan banyak pelaburan dalam dan luar negara." "Kita mahu galakkan perniagaan dan pelaburan dalam dan luar negara. Jadi apa-apa kerentenan yang ada, kita harap dapat terus dikurangkan." – Bernama.

**15 Oktober 2009 (Khamis)**

## **Penduduk risau tanah runtuh**

Oleh ALI MAHMOOD [utusanpahang@utusan.com.my](mailto:utusanpahang@utusan.com.my)



**KAKITANGAN TNB mendirikan semula tiang elektrik yang tumbang akibat tanah runtuh sepanjang 200 meter di jalan Kampung Janda Baik, Bentong, kelmarin**

BENTONG 15 Okt. – Penduduk Kampung Janda Baik di sini hidup dalam kebimbangan ekoran kejadian tanah runtuh yang berlaku sepanjang 200 meter semalam berhampiran kilang Elektriksola Sdn. Bhd. Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Janda Baik, Zahari Arof berkata, kejadian tanah runtuh kira-kira pukul 3.45 petang itu menyebabkan jalan masuk di Kilometer 2 rosak teruk. Katanya, kejadian itu juga mengakibatkan kesesakan lalu lintas dari pukul 4 petang hingga 11 malam apabila hanya satu laluan boleh digunakan oleh kenderaan ringan.

“Penduduk kini berasa bimbang kemungkinan runtuhan itu adalah kesan daripada gegaran gempa bumi yang berlaku sejak setahun lalu. “Pada kejadian terbaru 8 Oktober lalu, lapan gegaran dikesan berukuran 2.5 pada skala Ritcher,” kata Zahari kepada Utusan Malaysia di sini hari ini. Bagaimanapun, kata beliau, tidak ada mangsa mengalami kecederaan dalam bencana alam itu. Sehubungan itu, beliau berharap pihak berkuasa seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Bentong (MPB) mengambil tindakan segera membaiki kerosakan struktur jalan tersebut.

Menurut Zahari, jalan itu perlu diperbaiki segera memandangkan ia merupakan laluan utama ke kampung Janda Baik. Beliau turut bimbang kerosakan struktur jalan tersebut boleh menjelaskan kedatangan pelancong dan sektor pelancongan di kawasan tersebut.

Sementara itu, Penyelia Elektriksola Sdn. Bhd. A. Mohan memberitahu, kejadian tanah runtuh tersebut menyebabkan 1,000 kakitangan kilang berkenaan terkandas kerana kejadian itu berlaku ketika pekerja syif petang habis bekerja. Bagaimanapun, katanya, kejadian itu tidak menjaskan aktiviti kilang berkenaan kerana bekalan elektrik tidak terjejas.

Beliau turut menghargai kecekapan dan tindakan segera yang diambil oleh kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Bentong bagi memastikan bekalan elektrik ke kilang tersebut dan kampung Janda Baik tidak terjejas. Kata Mohan, beberapa kakitangan kilang tersebut yang merupakan ahli bomba sukarela juga mengambil inisiatif sendiri bagi mengawal pergerakan lalu-lintas di kedua-dua hala di tempat kejadian supaya berjalan lancar. Kakitangan TNB Bentong semalam mengambil masa lebih tujuh jam membaiki tiang elektrik yang tumbang akibat kejadian tanah runtuh tersebut supaya bekalan elektrik ke Janda Baik dan kilang tersebut tidak terputus.

## **15 Oktober 2009 (Khamis)**

### **18,000 MyKad tidak dituntut**

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN [zaid.adnan@utusan.com.my](mailto:zaid.adnan@utusan.com.my)

KUCHING 15 Okt. - Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak (JPNS) mengesan sebanyak 18,000 pemohon MyKad di negeri ini yang masih belum menuntut kad pengenalan mereka. Sehubungan itu Pengarahnya, Abu Bakar Mat berkata, pihaknya akan menggunakan pendekatan turun padang bagi menyerahkan MyKad yang masih tidak dituntut itu kepada pemohon yang berkaitan. Menurutnya, keadaan itu berlaku berikutan pemohon MyKad terbabit bekerja di tempat lain ataupun ada antara mereka sengaja memandang remeh soal tuntutan kad pengenalan mereka. "Kita akan menggunakan pendekatan sebelum ini (turun padang), namun kita akan perluaskan cara pelaksanaannya iaitu dengan memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar seperti di kawasan rumah panjang," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau ditemui selepas sesi taklimat JPNS sempena lawatan kerja Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Mohd. Morshidi Abdul Ghani yang turut dihadiri Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan Ketua Menteri, Misnu Taha. Abu Bakar memberitahu, pemohon MyKad perlu lebih bertanggungjawab untuk menuntut kad pengenalan mereka kerana ia merupakan dokumen penting bagi memudahkan urusan harian masyarakat. Beliau menjelaskan, setiap pemohon kad pengenalan itu perlu sentiasa menyemak permohonan mereka dari semasa ke semasa. "Ini kerana MyKad boleh siap dalam tempoh sebulan sahaja kecuali kes tertentu yang menghadapi masalah seperti cap jari dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Mohd. Morshidi ketika diminta mengulas mengenai lawatannya berkata, JPNS merupakan antara jabatan kerajaan di negeri ini yang memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan menjalankan tugas dengan cemerlang. "Saya dapat melihat JPNS sudah melakukan banyak perubahan terutama dari segi sistem penyampaian perkhidmatan mereka berikutan penambahbaikan yang dilakukan terutama dari segi proses pendaftaran dan cara menyelesaikan aduan pelanggan," kata beliau.

## **18 Oktober 2009 (Ahad)**

### **JKR, syarikat konsesi lebuh raya diarah pantau cerun**

TAMPIN 18 Okt. — Semua jurutera daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan syarikat konsesi lebuh raya sudah diarah supaya memantau cerun berisiko tinggi di kawasan mereka lebih awal sebelum musim hujan bulan depan bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh yang boleh membahayakan pengguna. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, pihaknya juga mempunyai pasukan pemantau khas untuk mengenal pasti cerun berisiko tinggi dan mengambil tindakan segera menyelenggaranya sebagai langkah awal bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku. - Bernama

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**20 Oktober 2009 (Selasa)**

### **Kompleks Sukan UiTM KK retak**



**Bahagian siling aras tanah mengalami keretakan yang serius.**

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Kompleks Sukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Kinabalu (KK) yang dibina pada tahun 1970 dikesan dibangunkan menggunakan pasir laut dalam campuran konkritnya. Akibat campuran itu, menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008, bangunan itu terjejas kerana besi tetulang strukturnya berkarat. "Pembinaan kompleks sukan menggunakan pasir laut telah menyebabkan keretakan ketara pada strukturnya, penggunaan pasir laut dalam campuran konkrit telah menyebabkan besi berkarat dan mereput kerana mengandungi klorida dan sulfat yang tinggi. "Apabila lapisan luar besi berkarat dan mereput, ketebalan dan kekuatan besi akan berkurangan," katanya.

Laporan berkenaan telah diedarkan di Parlimen mulai semalam. Pihak audit mendapati bangunan berkenaan masih digunakan untuk pusat pentadbiran, bilik kuliah, bilik pensyarah dan penempatan Unit Pembangunan dan Fasiliti UiTM Sabah kerana tiada bangunan lain sebagai gantian. "Berdasarkan laporan perunding pada tahun 1998, bangunan ini selamat untuk digunakan pada masa tersebut dengan syarat penyenggaraan rapi yang berterusan dijalankan. "Memandangkan pemeriksaan bangunan ini dibuat melebihi 10 tahun, adalah disyorkan UiTM melantik perunding bagi menjalankan pemeriksaan semula terhadap ketahanan struktur bangunan dan keselamatan menduduki bangunan ini," katanya.

Jelas laporan itu, UiTM Sabah telah membelanjakan sejumlah RM1.2 juta pada tahun 2002 dan RM185,196 pada tahun lepas bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan bangunan berkenaan. Namun, akibat penggunaan bahan binaan yang tidak berkualiti, keretakan baru masih berlaku.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**20 Oktober 2009 (Selasa)**

### **Kelantan lulus 2,200 hektar hutan untuk balak**

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Kerajaan Negeri Kelantan didapati meluluskan 2,200 hektar kawasan hutan simpan kekal dengan ketinggian melebihi 1,000 meter untuk aktiviti pembalakan kepada sebuah syarikat swasta walaupun ia sepatutnya diwartakan sebagai Hutan Perlindungan Sepenuhnya. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, tiga kawasan iaitu Tanah Tinggi Lojing, Sungai Betis dan Sungai Brook di Gua Musang diluluskan sebagai projek perintis atas alasan menggantikan kawasan konsesi yang diambil semula daripada Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK). Katanya, kelulusan itu dibuat kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Kecil Perhutanan (JKKP).

"Bagaimanapun, Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) tidak disediakan sehingga kini dan Jawatankuasa Teknikal yang diwujudkan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan JKKP," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008. Beliau berkata, syarat tidak dipatuhi itu melibatkan keahlian Jawatankuasa Teknikal yang sebahagian besar membabitkan kakitangan syarikat yang mempunyai kepentingan. Katanya, bagi tempoh 2005 hingga 2008, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) meluluskan enam lesen pembalakan dengan keluasan 555 hektar iaitu sebahagian daripada 2,200 hektar yang diluluskan bagi projek perintis Pembalakan Berimpak Rendah (RIL) kepada syarikat itu.

Ambrin berkata, bagaimanapun, sehingga kini pihak KPK tidak dimaklumkan secara rasmi mengenai kawasan balak di tanah tinggi itu yang dikatakan akan diberi sebagai ganti mengikut perjanjian konsesi tersebut. "Jabatan Audit Negara mendapati projek perintis ini telah memberi keuntungan kepada syarikat berkenaan kerana mendapat kawasan pembalakan dengan kayu yang banyak dan berkualiti tinggi yang belum diterokai tanpa melalui proses tender.

"Kerajaan Negeri Kelantan pula hanya mendapat royalti dan premium sebagaimana kawasan pembalakan biasa yang lain. "Sekiranya tujuan projek perintis ini untuk mengkaji Pengusahaan Hutan Berimpak Rendah khususnya untuk kawasan tanah tinggi, JPNK tidak sepatutnya meluluskan kawasan yang luas sehingga 2,200 hektar sebagai projek perintis," katanya.

Beliau berkata, kesan daripada pembalakan di kawasan itu mengakibatkan kerosakan serius terhadap struktur tanah seperti berlakunya tanah runtuh dan pokok tumbang. Sehubungan itu, Ambrin melalui laporan itu mengesyorkan supaya aktiviti pembalakan di kawasan tanah tinggi yang melebihi 1,000 meter tidak lagi diteruskan di kawasan itu seperti arahan yang dikeluarkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**20 Oktober 2009 (Selasa)**

### **SPRM teliti dua laporan Ketua Audit Negara**

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang meneliti dua laporan Ketua Audit Negara yang diedarkan di Dewan Rakyat semalam, sekiranya wujud unsur-unsur rasuah atau penyelewengan. Laporan tersebut berkaitan Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang dan Ipoh serta pembekalan alatan kepada badan berkanun Persekutuan pada harga 'tidak masuk akal'. Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mohd. Shukri Abdull berkata, pihaknya akan membuka kertas siasatan sekiranya mempunyai asas berbuat demikian. "Jika ada bukti, kita akan buka kertas siasatan, buat masa ini kita tidak boleh mendedahkannya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini

Semalam, laporan Ketua Audit Negara mendedahkan kerajaan mungkin terpaksa menanggung sebahagian besar daripada kerugian berjumlah RM1.14 bilion dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang dan Ipoh. Laporan itu mendapati wujud beberapa kelemahan pihak kontraktor seperti kelewatian, perolehan peralatan dan tren melebihi keperluan atau tidak diselaras dengan pembangunan struktur. Dalam laporan lain, Ketua Audit Negara turut mengesan tindakan pembekalan alatan kepada badan berkanun Persekutuan pada harga yang 'tidak masuk akal' bagi tahun 2008. Ditanya berhubung kes membabitkan isteri Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang didakwa menerima sebuah kereta pada ulang tahun hari lahirnya Januari lalu, Shukri enggan mengulas lanjut. Beliau meminta semua pihak bersabar dan memberi masa kepada SPRM untuk menjalankan siasatan.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**20 Oktober 2009 (Selasa)**

### **Penyata Kewangan: MB Selangor perlu jelaskan**

SHAH ALAM 20 Okt. - Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim didesak supaya mendedahkan pendapatan dan perbelanjaan sebenar kerajaan negeri sepanjang tahun lalu bagi membuktikan tidak berlakunya penyelewengan dalam pentadbiran beliau. Ketua Pembangkang Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, ini ekoran Laporan Ketua Audit Negara 2008 mendapati wujud kelemahan dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (Speks) termasuk terdedah kepada risiko penyata kewangan negeri tidak tepat.

Katanya, banyak kemungkinan menjadi punca berlaku kelemahan pengurusan sistem yang dikendalikan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor itu antaranya kegagalan kerajaan negeri memberi maklumat perbelanjaan dan pendapatan yang tepat, penyelewengan, ketirisan dan sebagainya. Sambil memberikan contoh isu pengurusan pasir di negeri itu, Mohamad Khir mendakwa, unjuran bajet hasil pendapatan kerajaan negeri daripada sumber berkenaan sepatutnya berjumlah kira-kira RM170 juta setahun. Sebaliknya, kerajaan negeri hanya mengutip pendapatan sebanyak RM4 juta menerusi anak syarikat yang diwujudkan untuk pengurusan sumber tersebut iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

"Saya difahamkan kerajaan negeri memperoleh pendapatan sebanyak RM4 juta sahaja hasil daripada aktiviti pasir. Bagaimana pula dengan baki selebihnya iaitu RM166 juta seperti jumlah yang diunjurkan sepanjang tahun lalu. "Saya minta Menteri Besar memberikan penjelasan dan tidak menyembunyikan kedudukan kewangan, pendapatan dan perbelanjaan sebenar kerajaan negeri sepanjang tahun lalu termasuk unjuran bajet negeri yang tidak selari dengan pendapatan. "Malah penjelasan itu juga perlu melibatkan pelaksanaan peraturan baru dalam kutipan hasil apabila doket pasir kini dikutip oleh KSSB bukannya Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) seperti yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara (KTN)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Laporan Ketua Audit Negara 2008 menyatakan pengurusan Speks Selangor menghadapi risiko keselamatan sistem operasi, aplikasi serta integriti data yang akan memberi kesan kepada ketepatan Penyata Kewangan Berkomputer yang dijana sistem Speks. Menurut laporan itu, pada keseluruhannya pengurusan Speks oleh Perbendaharaan Negeri Selangor adalah tidak memuaskan kerana matlamat sistem itu sebagai satu pusat sumber maklumat kewangan belum dicapai sepenuhnya.

Keadaan itu berlaku kerana pengurusan keselamatan sistem berkenaan oleh aktiviti jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri tidak memiliki ciri-ciri yang ditetapkan ekoran tiada pengasingan tugas, kata laluan tidak dirahsiakan serta tiada log aktiviti bagi mengesan akses yang tidak dibenarkan. Keadaan sedemikian menurut laporan itu menyebabkan Perbendaharaan Negeri Selangor menghadapi risiko pencerobohan keselamatan, kerahsiaan, kebolehpercayaan dan integriti Speks. Dalam pada itu, Mohamad Khir yang juga bekas Menteri Besar Selangor turut mengingatkan kerajaan negeri pimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan Pas supaya menghentikan amalan mencari salah serta kelemahan orang lain khususnya Barisan Nasional (BN) dalam pentadbiran negeri itu.

Katanya, amalan sedemikian sebenarnya tidak membawa sebarang manfaat atau mencorakkan pentadbiran negeri itu ke arah yang lebih baik dan telus seperti mereka uar-uarkan sebelum ini. "Sikap menyalahkan orang lain, mencari kesalahan pentadbiran terdahulu tidak membawa apa-apa kepada pemantapan pentadbiran di Selangor. Hari ini, laporan Ketua Audit Negara telah menyatakan antara contoh masalah yang dihadapi dalam pentadbiran di Selangor," ujarnya. Bagaimanapun beliau berkata, masalah itu bukan berpunca daripada kakitangan awam yang hanya mengikut arahan pemimpin negeri termasuk Menteri Besar sendiri.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**20 Oktober 2009 (Selasa)**

### **RM5.12 juta syiling rosak tidak dilupuskan**

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Sebanyak RM5.12 juta duit syiling pelbagai denominasi yang rosak dan tidak boleh digunakan di Kilang Wang, Shah Alam masih belum dilupuskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 mendapati kali terakhir tindakan pelupusan duit syiling sedemikian dilakukan pada 2004. Sehubungan itu pihak audit mengesyorkan tindakan pelupusan dibuat terhadap duit syiling berkenaan supaya bilik kebal utama dan gudang dapat digunakan untuk menyimpan stok syiling baru. "BNM memaklumkan proses tender bagi pelupusan duit syiling rosak dan tidak boleh diguna dibuat pada Mac lalu. "BNM perlu menyediakan polisi mengenai pelupusan duit syiling supaya prosedur pelupusan boleh dilaksanakan secara teratur," kata laporan itu.

Laporan berkenaan telah diedarkan di Parlimen mulai semalam. Menurut laporan itu lagi, kawalan keselamatan di Kilang Wang telah dilaksanakan mengikut sistem dan prosedur yang dibenarkan. Bagaimanapun, satu set peralatan pengesan logam yang termasuk dalam perolehan aset Kilang Wang pada Februari 2008 tidak digunakan. Sehubungan itu pihak audit mencadangkan peralatan sedia ada digunakan bagi meningkatkan kawalan keselamatan di Kilang Wang. "BNM memaklumkan pihaknya telah mendapatkan khidmat pakar pengesanan logam pada Mac 2009 bagi membuat penilaian muktamad mengenai kebolehgunaan dan batas keupayaan peralatan tersebut. "Keputusan muktamad akan dibuat selepas hasil penilaian dibentangkan kepada pihak pengurusan BNM," katanya.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**20 Oktober 2009 (Selasa)**

### **Hanya 14 syarikat kerajaan bayar dividen 2005-2007**

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Hanya 14 daripada 27 syarikat kerajaan yang memperoleh keuntungan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 telah membayar dividen kepada kerajaan berjumlah RM72.21 bilion. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2008 yang dikeluarkan di sini semalam, hanya empat syarikat yang telah membayar dividen kepada kerajaan secara berterusan dalam tempoh tiga tahun itu. Syarikat itu adalah Amanah Raya Bhd., Petroliam Nasional Bhd. (Petronas), Percetakan Nasional Malaysia Bhd. dan Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. Katanya, Petronas membayar dividen terbesar kepada kerajaan iaitu sebanyak RM72 billion bagi tempoh tiga tahun tersebut. Menurut laporan itu, kerajaan mempunyai pelaburan berjumlah RM24.21 bilion dalam 99 syarikat berbanding tahun 2007 di mana ia mempunyai pelaburan berjumlah RM23.23 bilion dalam 99 syarikat.

Katanya, jumlah pendapatan bagi 48 syarikat pada tahun 2007 adalah berjumlah RM116.43 bilion, yang menunjukkan penurunan 46.3 peratus berbanding RM216.72 bilion pada 2006. Pada tahun tersebut, menurut laporan itu, 27 syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM78 bilion manakala 21 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM870 juta. Bagi tempoh 2005-2007, 11 syarikat telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berturut-turut berjumlah RM218.56 bilion manakala lapan syarikat mengalami kerugian terkumpul RM1.27 bilion. Menurut laporan itu, syarikat-syarikat yang mengalami kerugian adalah terdiri daripada syarikat masih baru ditubuhkan atau masih belum menjana hasil daripada operasi penubuhan syarikat yang hanya memenuhi kepentingan sosial ataupun sebagai kenderaan tujuan khas yang tidak bermotifkan keuntungan. – BERNAMA.

### **Laporan Ketua Audit Negara**

**21 Oktober 2009 (Rabu)**

### **Lampu Merah Berkamera tersasar**

KUALA LUMPUR 21 Okt. – Pengurusan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera yang digunakan oleh polis bagi mengurangkan kadar kemalangan di persimpangan jalan didapati kurang memuaskan hingga menyebabkan objektif utamanya tersasar jauh. Menurut Laporan Ketua Audit Negara, terdapat beberapa kelemahan ketara yang menyebabkan sistem bernilai RM8.98 juta itu yang dipasang di enam buah bandar utama di negara ini gagal berfungsi sepenuhnya.

Antaranya ialah:

\*Peralatan sistem tidak digunakan sepenuhnya.

\*Kerosakan peralatan sistem yang tidak diperbaiki dan diselenggara dengan sewajarnya.

\*Penempatan peralatan sistem di lokasi yang tidak sesuai.

\*Pengeluaran saman yang tidak diuruskan dengan cekap.

Tambah laporan itu, prestasi sistem tersebut sebenarnya boleh dinilai melalui dua kaedah utama iaitu penurunan kes pelanggaran isyarat lampu merah dan penurunan kadar kemalangan. Bagaimanapun katanya, sejak ia dipasang bermula tahun 2004, pihak polis langsung tidak mempunyai statistik bagi kedua-dua kes itu sekali gus tidak dapat menentukan keberkesanan penggunaan sistem tersebut. Sehubungan itu, laporan tersebut mencadangkan kepada pihak polis supaya menyimpan data kemalangan yang berlaku di persimpangan jalan sama ada yang dipasang atau tidak dengan sistem perangkap berkenaan bagi memudahkan kerja-kerja perbandingan.

Semakan Ketua Audit Negara juga mendapati kelemahan penyenggaraan terhadap sistem itu juga menyumbang terhadap faktor ia kurang berfungsi. Antara hasil penemuan itu ialah:

\*Peralatan sistem telah dibeli antara tempoh tahun 1993 dan 1995, tetapi pelantikan kontraktor penyenggaraan hanya dibuat pada tahun 2000.

\*Terdapat kes kontraktor yang lewat menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dengan alasan kesukaran untuk mendapatkan alat ganti, sedangkan mengikut kontrak adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan alat gantinya sentiasa ada.

Berdasarkan perkiraan Ketua Audit Negara, jika anggota polis berpangkat konstabel ditempatkan di 56 persimpangan jalan iaitu tiga anggota di setiap persimpangan bagi menggantikan sistem perangkap itu, kerajaan perlu menanggung bayaran emolumen bagi tiga tahun berjumlah RM12.32 juta.

“Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding kos perolehan sistem perangkap setelah mengambil kira jangka hayatnya selama 20 tahun dan kos penyenggaraan sistem bagi tempoh tiga tahun yang berjumlah RM6.81 juta.

“Mengambil kira perkiraan ini dan maklum balas tersebut, pada pandangan Audit, adalah wajar kerajaan menimbang untuk memperluaskan pemasangan sistem ini di lokasi lain di seluruh negara dengan syarat pihak polis meningkatkan keupayaan dari segi pengurusan dan penyenggaraan peralatan,” katanya.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**21 Oktober 2009 (Rabu)**

### **Elaun guru KAFA masih di bawah paras miskin**

KUALA LUMPUR 21 Okt. – Elaun yang dibayar kepada guru-guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Perak tidak memuaskan serta masih meletakkan mereka di bawah paras kemiskinan walaupun kerajaan negeri menaikkan elauan kepada RM575 pada Januari lepas. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang memberitahu, semakan audit mendapati semua guru-guru KAFA mengajar 60 jam sebulan iaitu tambahan sebanyak 36 jam.

“Tambahan masa mengajar sebanyak 36 jam adalah melebihi tempoh 24 jam dalam sebulan yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan elauan sebanyak RM500 adalah tidak seimbang dengan jumlah masa tambahan mengajar. “Guru KAFA berkenaan sepatutnya menerima elauan tambahan berjumlah RM749.88 untuk 36 jam masa tambahan mengajar dan mereka sepatutnya menerima elauan sebanyak RM1,249.88 sebulan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008 yang dikeluarkan kelmarin. Ambrin memberitahu, siasatan audit yang dijalankan di Pulau Pinang pula mendapati elaun perjalanan penyelia KAFA sebanyak RM3,000 setahun tidak mencukupi bagi membolehkan mereka melakukan penyeliaan terhadap 100 orang guru. Katanya, jumlah tuntutan perjalanan penyelia yang dibenarkan adalah amat terhad dan ini menyukarkan penyelia terbabit untuk membuat pemantauan dengan lebih berkesan. "Sehubungan itu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang perlu memohon kepada Jakim agar elaun perjalanan penyelia ditambah had melebihi RM3,000 setahun agar penyelia dapat melaksanakan tugas lawatan dengan lebih menyeluruh," katanya.

Sementara itu Ambrin memberitahu, di Perlis kebanyakan guru, penyelia dan ibu bapa berpuas hati dengan perjalanan KAFA. Katanya, soal selidik yang dilaksanakan bagi menilai jumlah elaun sebanyak empat penyelia KAFA berpuas hati. "Soal selidik kepada 60 guru KAFA, sebanyak 60 peratus atau 36 orang guru berpuas hati dengan dengan jumlah elaun manakala 24 lagi tidak berpuas hati," katanya.

Ambrin memberitahu, soal selidik ke atas ibu bapa juga mendapati mereka berpuas hati terhadap kurikulum yang disediakan serta pencapaian anak mereka. Katanya, di Johor pula kesemua guru KAFA tidak menikmati imbuhan tahunan kakitangan awam walaupun mereka berhak menerima seperti diumumkan kerajaan melalui pekeliling pada 2006 dan 2008. "Ini boleh menjelaskan motivasi guru-guru terlibat sehingga mengganggu perjalanan sistem KAFA," katanya.

Beliau berkata, di Kedah pula, para penyelia KAFA langsung tidak diberikan latihan atau kursus sepanjang 2006 dan 2008 bagi melengkapkan diri menghadapi situasi tugas diamanahkan. Menurutnya, para penyelia terlibat hanya menyertai Kursus Kemahiran ICT serta Kursus Pengurusan dan Kewangan Penyelia KAFA pada 2007. "Pada pendapat Audit, latihan dan kursus kepada penyelia KAFA adalah tidak memuaskan (di Kedah)," tegasnya.

Ambrin menambah, program KAFA di Pahang pula kerap berhadapan dengan masalah peletakan jawatan para penyelia. Keadaan ini, katanya, disebabkan taraf jawatan penyelia yang tidak tetap serta kadar elaun bulanan yang rendah. "Ia mengakibatkan proses penyeliaan kelas KAFA terganggu kerana proses lantikan penyelia baru mengambil masa yang lama," jelasnya.

Sementara itu di Selangor, secara keseluruhannya program KAFA adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan ketara yang jika dibiarkan boleh menjelaskan imej kerajaan negeri dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Antara kelemahan yang perlu diambil perhatian serius oleh Jakim dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah:

\*Perjanjian pelantikan penyelia dan guru KAFA yang tidak ditandatangani dan bilangan penyelia yang tidak mencukupi jika dibandingkan dengan nisbah bilangan guru.

\*Terdapat guru KAFA yang menerima elaun daripada sumber Jakim mengajar di Sekolah Rendah Agama Negeri dan Sekolah Rendah Agama Integrasi.

\*Elaun guru KAFA terlebih bayar, penempatan murid melebihi 40 orang dalam satu kelas, prasarana dan kemudahan asas tidak lengkap dan kondusif.

\*Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah KAFA peringkat negeri tidak ditubuhkan.

\*Sijil Ujian Pencapaian Kelas KAFA tidak diiktiraf bagi tujuan memasuki Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri.

\*Jawatankuasa Pelaksana KAFA peringkat negeri tidak bermesyuarat dan tidak memantau aktiviti KAFA.

Bagi Selangor, pada 2008 terdapat 283 buah KAFA Integrasi dan seramai 86,858 murid berdaftar dengan bilangan guru sebanyak 6,260 orang yang diselia oleh seramai 16 orang penyelia. Dalam pada itu, di Melaka, antara masalah utama yang dikenalpasti ialah kegagalan mematuhi garis panduan yang disediakan menyebabkan wujudnya ketidakseragaman dalam pelaksanaan program KAFA secara berkesan.

Antara Kelemahan lain adalah:

\*Prosedur pelantikan tenaga pengajar tidak mematuhi prosedur nisbah yang ditetapkan hingga menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menanggung perbelanjaan elau.

\*Begitu juga dengan kurikulum yang digunakan tidak mematuhi dasar yang ditetapkan oleh Jakim, pengurusan perbelanjaannya juga gagal mematuhi garis panduan jabatan itu.

\*Permohonan bantuan pembangunan dan pembaikan sekolah KAFA tidak dirancang dengan baik sehingga bertindih dengan agensi lain.

Bagi Negeri Sembilan, terdapat beberapa buah sekolah KAFA tidak mempunyai Sijil Menduduki (CF) dan kewujudannya juga tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Selain itu, terdapat beberapa sekolah KAFA tidak mematuhi piawaian keselamatan yang telah ditetapkan dalam garis panduan Jakim. Menurut laporan itu, bilangan pelajar Islam yang tidak mengikuti kelas KAFA adalah tinggi dan ia perlu dipertingkatkan.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**21 Oktober 2009 (Rabu)**

### **Pulau Pinang lakukan pembaziran - Hock Nan**

PULAU PINANG 21 Okt. - Kerajaan negeri melakukan pembaziran apabila perlu menyelenggara kereta-kereta lama yang digunakan oleh para pegawainya sekarang. Bekas Exco Pengurusan Lalu Lintas, Penerangan dan Perhubungan Masyarakat negeri Datuk Dr. Teng Hock Nan berkata, perkara itu boleh dielakkan sekiranya pembelian Proton Perdana V6 oleh kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) sebelum ini tidak dibatalkan.

Menurutnya, pentadbiran kerajaan negeri telah menempah lima kereta tersebut dengan harga keseluruhan RM623,000 bagi menggantikan kereta Mercedes Benz dan Volvo yang berusia di antara 10 hingga 13 tahun. "Kereta-kereta yang ditempah itu sebenarnya dibeli untuk kegunaan pegawai kerajaan negeri dan bukannya untuk ahli Exco seperti yang didakwa Ketua Menteri, Lim Guan Eng sebelum ini," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pengumuman Majlis Sambutan Perayaan Deepavali Gerakan Pulau Pinang yang akan diadakan di ibu pejabat parti itu di Jalan Macalister pada Sabtu ini. Hock Nan mengulas laporan Ketua Audit Negara 2008 mengenai masalah penggunaan kenderaan milik kerajaan negeri Pahang, Perak dan Pulau Pinang tahun lalu.

Laporan itu menyebut masalah kekerapan penggantian tayar dikenal pasti berlaku di Pulau Pinang dan ia disebabkan keadaan bunga tayar yang haus atau tayar pecah, tayar haus sebelah dan tayar keras. Selepas pakatan pembangkang mengambil alih kerajaan negeri ini setelah memenangi pilihan raya umum tahun lalu, Guan Eng telah mengumumkan pembatalan pembelian kereta Proton Perdana V6 yang baru.

Tambah Hock Nan, kereta jenama antarabangsa yang digunakan oleh pegawai kerajaan negeri itu memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi setiap bulan kerana ia perlu dibaiki selain bahagian tertentu perlu diganti. "Malah, kos menyelenggara kereta Mercedes Benz yang digunakan Guan Eng sekarang dengan nombor pendaftaran PG 1 juga boleh mencecah RM50,000 sebulan," ujarnya.

Beliau berkata, hakikatnya tindakan Ketua Menteri membatalkan pembelian kereta Proton Perdana V6 yang telah ditempah kerajaan negeri BN hanya untuk kepentingan politik beliau semata-mata. "Ini satu perkara mudah dan bukannya satu masalah kerana jika kereta atau barang lain sekali pun memerlukan ditukar atas sebab yang munasabah, maka ia perlu ditukar sahaja," katanya.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**21 Oktober 2009 (Rabu)**

### **Pembalakan Pahang punca gangguan haiwan liar**

KUALA LUMPUR 21 Okt. - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang menerima 1,716 aduan mengenai gangguan haiwan liar berpunca daripada pembalakan di negeri itu sejak tiga tahun lalu. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, daripada jumlah tersebut, 748 membabitkan aduan gangguan gajah, 122 (harimau) manakala 846 lagi aduan berkaitan kera. Beliau berkata, laporan bagi tempoh 2006 hingga 2008 itu adalah serius kerana ia mengancam nyawa serta menyebabkan kerugian harta benda orang awam.

Beliau berkata, tahun lalu, kerugian dianggarkan RM474,120 membabitkan lebih 20,000 tanaman kelapa sawit, getah, pisang, durian dan kelapa yang dirosakkan oleh haiwan tersebut. "Semakan Audit mendapati gangguan gajah pada tahun 2008 sering tertumpu di kawasan ladang berkeluasan lebih 100 hektar. "Selain tanaman penduduk musnah, gajah turut merosakkan harta benda seperti rumah dan kemudahan asas lain," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008 yang dikeluarkan kelmarin.

Beliau berkata, selain pembalakan, aktiviti perlombongan haram di Taman Negeri Tasik Chini turut menyumbang kepada masalah pencerobohan hidupan liar ke kawasan penempatan manusia. Menurutnya, pencerobohan di tasik tersebut adalah serius kerana ia menjelaskan kualiti air serta memusnahkan flora dan fauna di sekelilingnya. Katanya, pengurusan hutan di negeri itu kurang memuaskan kerana aktiviti di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sama ada secara sah ataupun haram memberi impak negatif kepada alam sekitar.

Justeru katanya, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) perlu menyediakan perancangan yang komprehensif sebelum melaksanakan projek ladang hutan dengan mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar. "Selain itu, JPNP juga perlu mengambil kira keperluan guna tenaga, logistik, kos dan masa dalam pengurusan hutan," katanya.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**21 Oktober 2009 (Rabu)**

### **Menteri arah KSU siasat**

KUALA LUMPUR 21 Okt. - Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam mengarahkan siasatan dibuat terhadap pembelian 'pole platform' untuk sebuah pusat latihan di Miri pada harga RM30,510 sedangkan harga pasaran cuma RM990. Beliau turut meminta siasatan dijalankan terhadap pembelian 'thumbdrive' 1GB dengan harga RM480 sedangkan harga pasaran hanya RM90. Menurutnya, siasatan tersebut bakal diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), Datuk R. Segarajah yang turut akan mengkaji kewajaran perbelanjaan tersebut.

Jika terbukti berlaku penyelewengan katanya, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang terlibat. "Saya sangat prihatin dengan laporan Ketua Audit Negara itu dan telah mengarahkan KSU menjalankan siasatan terperinci mengenainya hari ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam. Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan Ketua Audit Negara 2008 yang menyebut Kementerian Sumber Manusia telah menggunakan sebanyak RM30,510 untuk membeli sebuah 'pole platform' bagi sebuah pusat latihan di Miri sedangkan harga pasaran hanya RM990 sahaja.

## **Laporan Ketua Audit Negara**

**21 Oktober 2009 (Rabu)**

### **JPN Kelantan tidak terlibat**

KOTA BHARU 21 Okt. - Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan menafikan ia terlibat dalam isu pembelian anak pokok dengan harga yang dikatakan begitu tinggi berbanding harga pasaran. Jabatan itu menjelaskan, tawaran tender bagi program penanaman anak pokok di pekarangan sekolah diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Kementerian Pelajaran pada tahun 2008. Dalam satu kenyataan ringkas kepada *Utusan Malaysia* di sini petang ini, jabatan itu menjelaskan projek yang dimaksudkan hanya di Sekolah Kebangsaan Bukit Jawa 2.

"Ia melibatkan harga yang ditentukan oleh pihak konsultan bagi kerja membekal, menanam, menyenggara, merawat dan lain-lain yang berkaitan," ujar kenyataan itu. Kenyataan itu dikeluarkan dengan merujuk laporan *Utusan Malaysia* hari ini bahawa Pengarah JPN Kelantan diarah mengemukakan laporan mengenai pembelian 89 anak pokok berharga RM37,450 bagi sebuah sekolah menengah sedangkan harga pasaran cuma RM5,885. Ia memetik Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom yang muh laporan diserahkan secepat mungkin untuk diteliti serta dibuat siasatan.

Arahan Alimuddin itu sebagai reaksi daripada pendedahan Laporan Ketua Audit Negara yang diedarkan di Dewan Rakyat yang mula bersidang kelmarin. JPN Kelantan menjelaskan, sekolah-sekolah menengah di negeri ini tidak mempunyai kaitan dengan isu pemberian tender bagi penanaman anak-anak pokok itu. Selain JPN Kelantan, jabatan itu juga menegaskan, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) tidak terlibat dengan penawaran bagi projek berkenaan. Bagaimanapun jabatan itu tidak menyebut sama ada laporan mengenai isu berkenaan telah disiapkan dan dihantar kepada kementerian.

## 21 Oktober 2009 (Khamis)

### Hutan tropika terus diceroboh

Oleh ANI AWANG [utusanperak@utusan.com.my](mailto:utusanperak@utusan.com.my)



Raja Dr. Nazrin Shah berbual bersama para peserta Persidangan Pelan Induk Bersepadu Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor pada majlis perasmian persidangan tersebut di Ipoh, semalam. -  
UTUSAN/HANAFI KHAMIS

IPOH 21 Okt. - Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah, kekurangan kewangan, kelonggaran undang-undang dan penguatkuasaan sambil lewa menjadi punca utama hutan tropika di negara ini diceroboh pihak tidak bertanggungjawab. Baginda bertitah, dalam keghairahan memacu negara ke arah pembangunan, aspek pemuliharaan hutan dipinggirkan tanpa mengambil kira keberkesanan undang-undang yang dicipta untuk melindunginya.

"Mengambil contoh Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor yang telah diwartakan sebagai taman negara namun pelbagai kegiatan haram masih berlaku. "Ini termasuklah memburu haiwan secara haram dan pembalakan haram masih terus berleluasa," titah baginda ketika merasmikan Persidangan Ke Arah Pembangunan Pelan Induk Bersepadu Bagi Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan anggota Exco kerajaan negeri. Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama kerajaan negeri dan Yayasan Pulau Banding (YPB). Persidangan berkenaan juga melibatkan enam perbincangan meja bulat yang dihadiri beberapa tokoh alam sekitar dan fasilitator tempatan dan luar negara.

Raja Nazrin bertitah, dalam kesibukan memacu negara ke arah ekonomi membangun, tanggungjawab pemuliharaan hutan sering terabai terutama untuk menyediakan dana mencukupi. Baginda bertitah, kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 2005 mendapati bahawa taman-taman negara dan taman negeri mengalami kekurangan dana berjumlah RM37 juta setiap tahun. Titah baginda, apabila ia berlaku, aspek pengawasan dasar mengenai pemuliharaan hutan atau undang-undang dan pelaksanaan penguatkuasaan terhadapnya bukan lagi menjadi keutamaan malah terus diketepikan.

"Dalam konteks Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor, kemusnahan berikutan pelbagai kegiatan haram sukar untuk diperbaiki namun semua pihak terbabit harus mengambil langkah dengan mencontohi kejayaan negara lain dalam pengurusan hutan. "Adalah belum terlambat dan tidak ada sebab bagi semua pemegang amanah di Belum-Temenggor untuk mengambil langkah terbaik bagi menjaga dan memulihara khazanah alam semula jadi itu," titah baginda. Raja Nazrin menyifatkan persidangan itu menjadi tunjang ke arah melahirkan pelan induk bersepadu sebagai pemangkin ke arah pemuliharaan Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor yang lebih berkesan dan komprehensif.

## 21 Oktober 2009 (Khamis)

### RM1.96b bantuan tidak diusik

KUALA LUMPUR 21 Okt. - Sebanyak RM1.96 bilion peruntukan bantuan kepada golongan petani yang diwujudkan melalui Agrobank sejak 1996 hingga 2003 masih belum dibelanjakan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar berkata, daripada RM3.26 bilion jumlah dana yang disediakan kerajaan kepada bank berkenaan, hanya RM1.3 bilion yang telah disalurkan. Menurutnya, peruntukan tersebut mempunyai 14 pakej yang bertujuan meningkatkan pendapatan petani dan menjadikan sektor pertanian negara berorientasikan teknologi moden.

"Daripada jumlah RM1.3 yang dibelanjakan, 73,000 petani telah memperoleh manfaatnya," katanya menjawab soalan tambahan **Nancy Shukri (BN-Batang Sadong)** pada Sidang Dewan Rakyat di sini hari ini. Menurut Noh, baki peruntukan yang belum digunakan itu akan disalurkan bagi membangunkan sektor pertanian dalam usaha menarik lebih ramai rakyat terutama golongan siswazah menceburi pertanian moden.

Beliau memberitahu, penekanan memang diberi kepada generasi kedua golongan petani bagi melahirkan lebih ramai petani berilmu. Malah, jelasnya, kerajaan menggalakkan generasi kedua petani terlibat dalam industri pertanian yang bukan berasaskan makanan seperti industri burung walet, ikan hiasan dan rumpai laut yang mempunyai nilai tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa. Terdahulu, menjawab soalan asal Nancy, Noh menjelaskan, RM25 juta telah dibelanjakan bagi membantu 1,243 ahli peladang bagi meluaskan saiz ladang dan menambah baik serta mengubah suai premis.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan **Mohsin Fadzli Samsuri (PKR-Bagan Serai)**, Noh berkata, banyak ciptaan dan produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) telah dipasarkan. "Sebagai contoh, dulu negara mempunyai masalah lambakan durian tetapi perkara itu kini dapat diatasi apabila hasil penyelidikan MARDI lahir jenis durian yang boleh dieksport dan kekal bertahan untuk tempoh lama," katanya.

## 22 Oktober 2009 (Khamis)

### Kakitangan JAIS dituduh salah guna kedudukan

SHAH ALAM 22 Okt. - Seorang ketua pembantu tadbir Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas dua tuduhan menggunakan kedudukannya dengan memilih syarikat milik bersama untuk membekalkan peralatan pejabat tiga tahun lalu. Raja Nor Hisham Raja Hizat, 54, juga mengaku tidak bersalah terhadap dua tuduhan pilihan iaitu mengambil bahagian dalam perniagaan sebagai rakan kongsi syarikat Warisan NDE Enterprise yang membekalkan peralatan pejabat kepada JAIS.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan dengan memilih syarikat tersebut bagi membekalkan peralatan pejabat kepada pengurusan JAIS yang berjumlah RM8,581.20 melalui pesanan kerajaan. Tertuduh yang mempunyai kepentingan sebagai pemilik bersama perniagaan tersebut didakwa melakukan kedua-dua perbuatan itu di Unit Kewangan JAIS di sini pada 20 September dan 6 Oktober 2006.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 16 akta sama yang memperuntukan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali nilai suapan atau mana-mana yang lebih tinggi. Sementara bagi dua pertuduhan pilihan pula, Raja Nor Hisham didakwa mengikut Seksyen 168 Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara maksimum setahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Syafinas Shabudin menawarkan jaminan RM45,000 serta dua orang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan itu. Peguam M. Reza Hassan yang mewakili tertuduh menyifatkan jumlah tersebut tidak munasabah dan memohon anak guamnya dibebaskan dengan jaminan RM1,000. Beliau turut memaklumkan tertuduh merupakan seorang pekerja cemerlang selain menghadapi masalah kewangan kerana suaminya baru sahaja menerima rawatan akibat penyakit angin ahmar. Hakim Mat Ghani Abdullah membenarkan tertuduh dibebaskan secara ikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin serta menetapkan 1 Februari tahun depan untuk perbicaraan.

**22 Oktober 2009 (Khamis)**

## **Sawah kering-kontang**

Oleh SAFINA RAMLI [utusankedah@utusan.com.my](mailto:utusankedah@utusan.com.my)



**Tiga orang pesawah menunggu bekalan air bagi memulakan kerja-kerja membajak untuk menanam padi musim kedua di Kampung Bukit Raya Dalam, Pendang, Kedah, semalam. - utusan / ismail kamadin**

PENDANG 22 Okt. - Kira-kira 500 pesawah di Kampung Bukit Raya Dalam, di sini mahu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) segera tampil menyalurkan air ke kawasan sawah padi mereka yang kekurangan air sejak awal Oktober lalu. Para pesawah tersebut mendakwa pihak MADA tidak menyalurkan air yang secukupnya ke kawasan sawah mereka sehingga menyukarkan kerja-kerja membajak sawah dijalankan. Tinjauan *Utusan Malaysia* ke kawasan itu mendapati, kebanyakan kawasan sawah di kampung tersebut kering dan tidak ada pesawah yang memulakan proses menanam padi di situ kerana air tidak mencukupi.

Seorang pesawah di kawasan tersebut, **Ahmad Shaarani Salleh**, 44 berkata, disebabkan masalah pengairan yang tidak sempurna, pesawah mengalami kesukaran untuk memulakan proses menanam padi. "Sehingga hari ini, sawah padi kami kering-kontang dan kami tidak dapat membajak sawah kerana sewaktu menjalankan proses membajak air sangat diperlukan untuk melembutkan tanah. "Kawasan kami dah terlewat daripada jadual menanam padi yang sepatutnya bermula 10 Oktober lalu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Menurutnya, pesawah telah berjumpa dengan pihak MADA, namun masalah ini tidak juga selesai. "Kami sepatutnya telah menanam padi kerana musim kemarau akan melanda sekitar bulan Disember nanti. "Kalau air masih belum disalirkan secara sempurna mungkin kami akan menanggung kerugian nanti," katanya.

Seorang lagi pesawah **Hashim Razak**, 60, berkata, pesawah mahu pihak MADA turun padang untuk meninjau sendiri masalah yang dihadapi petani. "Sekarang ini apabila petani mengadu kepada pemberita barulah masalah kami akan mendapat perhatian pihak yang berkenaan. "Perkara ini tidak wajar berlaku kerana mereka sepatutnya tahu apa tugas mereka dan turunlah padang berjumpa pada petani untuk mengetahui masalah kami," jelasnya.

**22 Oktober 2009 (Khamis)**

## **Parlimen - Elak rahsia pertahanan bocor**

KUALA LUMPUR 22 Okt. – Kerajaan hari ini menegaskan, perolehan kapal selam jenis Scorpene yang dibeli daripada syarikat konsortium DCNS dan Navantia tidak boleh dilakukan secara tender terbuka kerana ia akan mendedahkan spesifikasi sulit kapal selam tercanggih di rantau Asia Tenggara itu kepada pihak luar. Langkah itu terpaksa diambil memandangkan kapal selam merupakan aset strategik yang sangat ditakuti kerana kebolehannya beroperasi secara senyap dan lama di bawah permukaan air.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad berkata, jika kerajaan membuat perolehan secara tender terbuka, maka Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mendedahkan spesifikasi sulit kapal selam yang dimilikinya. "Sebagai sebuah negara yang merdeka kita tidak boleh melakukan tender terbuka kerana ia akan mendedahkan rahsia-rahsia pertahanan negara kepada pihak luar. Sebab itu dalam prosedur perolehan kapal selam tidak ada negara yang melakukan secara tender terbuka."

"Chile, India dan disusuli Brazil turut membeli kapal selam jenis yang sama (Scorpene) dan semua negara ini membuat perolehan melalui rundingan terus. "Kalau kita buka tender terbuka, bermakna kerajaan menyerahkan sistem pertahanan kepada pihak luar, ini yang pembangkang hendak," katanya menjawab soalan tambahan Nga Kor Ming (DAP-Taiping) pada Sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Kor Ming dalam soalannya ingin mengetahui rasional kerajaan membuat rundingan terus dalam perolehan dua kapal selam, KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak berharga RM3.4 bilion, sedangkan mengikut Jabatan Audit Negara, mana-mana perolehan yang harganya melebihi RM200 juta perlu dibuat secara tender terbuka.

Menurut Abd. Latiff, sebelum perolehan tersebut dibuat, kerajaan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengkaji semua jenis kapal selam yang ditawar dan dioperasikan negara asing agar sesuai dengan doktrin, persekitaran maritim dan tuntutan pertahanan negara sebelum proses runding harga dilakukan. Dalam pada itu, menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tengku Azlan Abu Bakar (BN-Jerantut), beliau memberitahu, semua anak kapal selam diberi eluan khas sebagai menghargai semangat, daya tahan dan tahap kesiapsiagaan.

"Kerajaan memahami kesukaran mereka yang terpaksa berada dalam ruang kapal selam yang sempit untuk tempoh masa yang lama. Kita sedang merangka bagi membolehkan pegawai dan anggota lain-lain pangkat (LLP) menikmati eluan khas. "Jika hanya lulus di peringkat asas pengoperasian kapal selam, pegawai akan diberi eluan RM1,400 manakala RM1,100 untuk anggota LLP, di peringkat mahir eluan untuk pegawai RM1,900 dan anggota LLP RM1,500 dan di peringkat eksekutif hingga pegawai pemerintah eluan yang dibayar ialah RM3,000 sebulan," katanya.

Terdahulu, menjawab soalan asal Azlan, Abd. Latiff menjelaskan anggaran kos penyelenggaraan dan alat ganti bagi kedua-dua kapal selam itu ialah RM270 juta setahun. Katanya, senggaraan akan dilakukan di pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu yang mana kemudahan seperti menaiki galangan, bengkel serta hangar telah beroperasi sepenuhnya.

## **22 Oktober 2009 (Khamis)**

### **Parlimen -BELB: Kementerian nafi wujud penyelewengan projek**

KUALA LUMPUR 22 Okt. – Tuduhan Ahli Parlimen Batu, Tian Chua bahawa wujud penyalahgunaan kuasa dalam pemberian Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Tahun 2009-2010 di Sabah dan Sarawak adalah tidak berasas. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam satu kenyataan hari ini berkata, siasatan yang dilakukan pihaknya mendapati dakwaan wujud kroni dalam mempengaruhi keputusan rundingan bagi menganugerahkan projek BELB kepada syarikat-syarikat adalah tidak benar sama sekali. “Nama-nama yang disebut (oleh Tian Chua) tidak terlibat dalam pemilihan kontraktor dan rundingan harga. “Dimaklumkan bahawa semua tuduhan yang telah dibuat oleh beliau adalah tidak benar dan dinafikan dengan setegas-tegasnya,” kata kenyataan itu.

Tian Chua pada sidang akhbar di lobi Parlimen pada Isnin lalu mendakwa menteri berkenaan, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dan seorang ahli keluarganya menerima komisen daripada syarikat yang telah berjaya mendapat projek BELB. Menurut Ahli Parlimen Batu itu, beliau mempunyai bukti bahawa surat niat telah dikeluarkan kepada syarikat terbabit setelah mereka membayar komisen berkenaan. Menurut kenyataan itu, persoalan yang ditimbulkan kononnya syarikat-syarikat yang dipilih tidak memenuhi syarat ditetapkan juga tidak timbul kerana ia telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Katanya, dakwaan kononnya Mohd. Shafie telah menyalahgunakan kuasanya juga tidak benar kerana beliau tidak terlibat dalam mesyuarat rundingan harga yang telah diadakan.

“Hanya pegawai yang dilantik dan wakil syarikat sahaja dibenarkan untuk berada dalam mesyuarat berkenaan. “Semua hasil rundingan harga perlu disahkan terlebih dahulu oleh Ketua Setiausaha kementerian sebelum dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan muktamad,” jelas kenyataan itu. Sehubungan itu, tambahnya, tuduhan bahawa pelaksanaan projek berkenaan telah dilaksanakan secara tidak telus adalah tidak benar dan dinafikan sama sekali.